

27/10/1998

Renungan untuk penyokong Anwar

Ron Anak Malaysia

SAYA amat kesal melihatkan pengikut Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak habis-habis membelanya walaupun kini terdapat bukti menunjukkan beliau sendiri mengamalkan konspirasi untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka terima bulat-bulat apa yang dikatakan oleh Anwar tanpa berfikir panjang.

Tidak terlintas pada fikiran mereka bahawa Anwar sebenarnya mahu pengikutnya melupakan tuduhan yang dikenakan terhadap beliau dengan mengalihkan perhatian mereka kepada reformasi.

Beliau mengutuk segala sistem kerajaan yang beliau sendiri pernah menerajunya. Yang peliknya semasa beliau di dalam kerajaan dulu, semuanya baik bagi beliau.

Beliau mengatakan Dr Mahathir gila kuasa. Pada pandangan saya, Dr Mahathir memangpun sudah berkuasa tidak perlu lagi untuk gila kuasa.

Tidak puas dengan kutukan terhadap Dr Mahathir, Anwar bersekongkol pula dengan DAP.

Mungkin Anwar tidak sedar kerana beliau tiada di Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1969 ketika pengikut PAP yang kini DAP masuk kampung kami dan memekik-mekikkan slogan 'Melayu Sudah Mati' dan 'Tunku Abdul Rahman sudah mati'.

Hasil daripada perbuatan itu, meletuslah peristiwa 13 Mei 1969.

PAP mahukan apa yang dikatakan One Nation One People, kononnya Malaysian Malaysia.

Di sebalik tabir itu apa yang jelas hingga ke hari ini adalah mereka mahukan Malaysia untuk orang mereka saja dan bukan untuk masyarakat majmuk.

Selagi ada masyarakat majmuk terutama ada orang Melayu memimpin negara ini, selama itulah mereka akan menentang. Hak keistimewaan orang Melayu juga dipertikaikan sepanjang hayat.

Dengan adanya kucar-kacir penyokong Anwar ini, DAP mengambil kesempatan untuk memperkudakan pengikut Anwar.

Ini tidak disedari orang muda yang membela Anwar dengan membuta-tuli. Kerana ada di antara mereka masih di bawah ketiak ibu ketika peristiwa berdarah 13 Mei 1969 berlaku.

Oleh itu mereka tidak sedar apa yang berlaku sekarang adalah orang Melayu sedang dipergunakan untuk berlaga sesama sendiri. Hasilnya kelak DAP menerajui kerajaan dan nasib Melayu samalah seperti di Singapura.

Bagi Anwar, saya yakin beliau dipergunakan oleh kuasa luar untuk menjatuhkan kuasa orang Melayu di Malaysia terutama sekali Dr Mahathir. Kerana selama ini hanya Dr Mahathir saja yang berani bersuara dan tidak mahu tunduk kepada penindasan kuasa Barat.

Kebanyakan pandangan Dr Mahathir selama ini adalah tepat namun tidak digemari oleh kuasa Barat kerana mereka masih menganggapkan orang Melayu bodoh dan malas.

Hanya mereka saja yang pandai. Dengan itu apabila ada sesuatu akal yang pintar dan datangnya pula dari sebuah negara kerdil mereka berasa malu lalu terus mencari jalan untuk mengecam.

Oleh kerana Anwar sering dipuji oleh kuasa Barat, beliau hilang ingatan.

Beliau tidak tahu bahawa hasrat Barat itu adalah sekiranya Anwar menjadi Perdana Menteri kelak, beliau senang diputar-belitkan oleh mereka, seperti zaman British dulu.

Apa yang hendak direformasikan semuanya tidak jelas. Sepanjang yang saya tahu, orang Melayu menjalani tiga reformasi selama ini. Pertama ketika Umno ditubuhkan pada 1946.

Kedua, apabila kita mencapai kemerdekaan daripada belunggu British. Ketiga, adalah selepas tragedi 13 Mei 1969. Hasil daripada yang ketiga ini Dasar Ekonomi Baru (DEB) dipergiatkan lagi sehingga ke hari ini.

Mungkin penyokong Anwar yang ramai di antaranya generasi muda tidak faham apa itu DEB dan untuk siapa?

Ataupun sengaja tidak mahu tahu mengenainya kerana malas membaca dan menyingkap kembali bagaimana kehidupan orang Melayu sebelum ini.

Padahal dengan adanya DEB maka kebanyakan muda-mudi Melayu yang mendapat kelulusan seperti nyawa ikan, jika dibandingkan dengan pelajar bukan Melayu, disumbatkan masuk ke institusi pengajian tinggi.

Kerana DEB maka orang Melayu dapat mengecapi kesenangan mencari rezeki sehingga ada yang menjadi kaya raya kini.

Dengan adanya dasar inilah juga orang Melayu dapat bekerja di syarikat swasta. Segala hak keistimewaan orang Melayu selama ini hasil perjuangan siapa jika bukan Umno.

Malangnya muda-mudi hari ini lupa bahawa di Kuala Lumpur sendiri sebelum adanya perjuangan Umno dahulu, hidup Melayu hanya diterangi lampu pelita saja dan air pula diangkut dari pili air yang dipanggil `paip gomen'.